

Ramai setuju Raja bantu perkukuh perpaduan

BH 23 MAR 2000

KUALA LUMPUR, Rabu -- Saranan kerajaan supaya Majlis Raja-Raja Melayu mengambil pendirian tegas membantu menyatupadukan umat Islam yang berpecah akibat perbezaan politik, terus mendapat sokongan.

Majlis Belia Malaysia (MBM) berpendapat, Raja-Raja Melayu boleh merapatkan hubungan rakyat dengan menjadi kuasa pendamai bagi mengelak perpecahan terutama di kalangan orang Melayu.

Presidennya, Saifuddin Abdullah, berkata Raja adalah simbol perpaduan negara dan ketaatan rakyat yang sentiasa dihormati.

"Campur tangan Raja penting bagi mengelak perpecahan rakyat. Misalnya debat antara Umno dengan Pas pada 11 November 1984 pernah dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong kerana dikhuatiri memecahkan perpaduan umat Islam.

"Apa yang kita harapkan ialah institusi Raja terus berperanan menyatupadukan rakyat kerana perpaduan umat Melayu membabitkan agama dan agama pula di bawah kuasa Raja," katanya.

Sebelum ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan Raja-Raja Melayu membantu menyatupadukan umat Islam yang berpecah akibat perbezaan fahaman politik menerusi majlis agama Islam negeri serta Majlis Fatwa.

Perdana Menteri berkata, walaupun tanggungjawab mereka terhad kepada perkara berkaitan agama dan tidak boleh campur tangan dalam urusan politik, Raja-Raja Melayu masih ada peranan menyatukan semula umat Islam.

Katanya, Raja-Raja Melayu menyedari mengenai perkara itu tetapi mungkin mereka tidak mahu membincangkannya kerana bimbang disalah tafsir sebagai mencampuri urusan politik.

Perdana Menteri dijadual memberi taklimat mengenai usaha menyatupadukan umat Islam kepada mesyuarat Majlis Raja-Raja di Istana Negara, esok.

Beritu Harian difahamkan, taklimat itu diadakan sebelum permulaan Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-185 yang turut dihadiri Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah:

Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah yang mempengerusikan Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-185, dijangka mengadakan sidang akhbar di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Sungai Besi, petang esok.

Mesyuarat itu bermula hari ini dan dihadiri semua raja kecuali Sultan Kedah yang diwakili Raja Muda, Tunku Abdul Malik dan Sultan Johor diwakili Tengku Mahkota, Tengku Ibrahim Ismail.

Raja Perlis pula diwakili Tengku Sharif Bendahara, Datuk Seri Diraja Syed Badarudin manakala Selangor diwakili Pemangku Sultan, Tengku Idris Shah. Turut hadir Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak.

LIHAT MUKA 2

Raja Melayu mampu kembalikan perpaduan

DARI MUKA 1

BH 23 MAR 2000

Sementara itu, Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim berkata, raja adalah simbol perpaduan dan mampu menyatukan masyarakat melalui agama.

"Kita tidak mahu isu ini nanti dipolitikkan. Kita tidak mahu orang kata ia sebahagian strategi parti politik, pada hal ia adalah untuk kepentingan semua pihak dan perpaduan rakyat," katanya.

Setiausaha Agung Kelab Senator, Rosli Mat Hassan, berkata pembabitan Raja-Raja Melayu dalam menyelesaikan masalah itu amat perlu kerana sentimen politik bertopengkan agama kini serius.

"Sebagai simbol perpaduan, Raja-Raja Melayu diyakini mampu memainkan peranan lebih berkesan bagi melihat perpaduan kembali wujud di negara ini.

"Perpaduan perlu dijadikan agenda utama dalam membina kemajuan rakyat serta negara dan saranan terhadap Raja-Raja Melayu itu sebenarnya mencerminkan sikap bertanggungjawab kerajaan terhadap soal perpaduan rakyat," katanya.

Beliau kesal kerana perpecahan sekarang banyak berpunca daripada tindakan pihak tertentu menggunakan agama untuk kepentingan politik termasuk mengeluarkan fatwa yang boleh menggelirukan umat Islam.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata sudah sampai masanya raja-raja Melayu memainkan peranan berkesan dalam menangani masalah yang semakin meruncing sekarang.

"Sebagai simbol perpaduan, Raja-Raja Melayu mampu memainkan peranan lebih berkesan bagi mengembalikan perpaduan di negara ini," katanya sambil menambah, sudah sampai masanya Majlis Raja-Raja melarang parti politik menggunakan nama Islam pada parti mereka.

Exco Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir, berkata masalah utama orang Melayu kini ialah pencanggahan pendapat mengenai agama sehingga ada yang sanggup menuduh orang lain sebagai kafir.

Oleh itu, katanya, Raja-Raja Melayu yang bertanggungjawab mengenai hal-ehwal agama boleh menyatukan serta menyelesaikan pertikaian masyarakat Melayu mengenai perkara itu.

Katanya, segala fatwa yang dikeluarkan perlulah mendapat kelulusan raja Melayu dan masyarakat Melayu perlu menghormati keputusan itu.

Kakitangan swasta, Suraya Osman, 27, juga berpendapat Raja-Raja Melayu perlu terus berperanan dalam menyatupadukan rakyat negara ini.

"Hanya tinggal beberapa negara di dunia ini yang mengamalkan sistem beraja, justeru kita sebagai rakyat negara ini perlu mengekalkan sistem ini," katanya.

Majlis Agama Islam Selangor (Mais) pula meminta media tidak memberikan gambaran negatif terhadap sultan dan raja-raja kononnya mereka tidak memainkan tanggungjawab sewajarnya untuk mengukuhkan perpaduan umat Islam.